


LAMAN TAFATQUH

**KEMPEN SOLAT SUNAT
DHUHA SEBELUM
BERMULA WAKTU
KERJA**



**Berkata Abu Murrah Ath-Tha'ifi r.a.
bahawasanya Nabi saw telah bersabda :**

Allah telah berfirman:

***“Wahai anak Adam! Bersembahyanglah
untuk Aku di awal pagi, niscaya Aku
akan mencukupimu di akhirnya.”
(Riwayat Ahmad)***



- Solat sunat dhuha ialah solat di waktu pagi. Ia merupakan salah satu dari tiga solat sunat yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w
- Hadith Qudsi ini menganjurkan kita mengerjakan solat sunat Dhuha, antara faedahnya adalah Allah memberi jaminan akan melaksanakan segala keperluan-keperluan keduniaan manusia setiap hari
- Dalam suatu hadith telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud *“Kekasihku Rasullullah SAW telah berwasiat kepadaku tiga perkara, aku tidak meninggalkannya, iaitu ; supaya aku tidak tidur melainkan setelah mengerjakan witr, dan supaya aku tidak meninggalkan dua rakaat solat Dhuha kerana ia adalah sunat awwabin, dan berpuasa tiga hari daripada tiap-tiap bulan”* (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)
- Kelebihan solat sunat Dhuha juga dinyatakan dalam kitab “An-Nurain” bahawa Rasullullah bersabda yang maksudnya : *“Dua rakaat Dhuha menarik rezeki dan menolak kepapaan.”*
- Dalam satu riwayat yang lain Rasulullah bersabda yang maksudnya : *“Barangsiapa yang menjaga solat sunat Dhuhanya nescaya diampuni Allah baginya akan segala dosanya walaupun seperti buih dilautan.”* (Riwayat Ibnu Majah dan At-Tirmidzi).
- Daripada Anas bin Malik Radhiallahu ‘anhu berkata: “Aku mendengar Rasulullah SAW berkata: *“Barangsiapa yang mengerjakan sembahyang sunat Dhuha dua belas rakaat dibina akan Allah baginya sebuah mahligai daripada emas”* (Riwayat Ibnu Majah dan Tirmidzi)
- Terdapat banyak fadhilat dan kelebihan solat sunat Dhuha seperti yang telah dinyatakan di atas. Justeru itu, marilah kita sama-sama merebut peluang dan hikmah yang telah dinyatakan, sekaligus mempertingkatkan amal ibadat seharian kita.

